

Hospital homeopati sedia disiasat

BH 12 JUL 2000

MELAKA, Selasa - Hospital Homeopati Melaka di Jalan Semahok di sini, bersedia untuk disiasat Kementerian Kesihatan mengenai kemampuan merawat dan menyembuhkan penyakit HIV/Aids dan dakwaan pesakit tertipu mendapatkan rawatan di situ.

Pengerusi Eksekutifnya, Dr Amir Hamzah Hamid, berkata hospital itu sanggup memberikan semua kerjasama yang diperlukan dalam siasatan berkenaan kerana tiada apa yang hendak disembunyikan.

Katanya, kejayaan menemui ubat 'Malaysian Aids Solution' (MAS) yang boleh digunakan untuk merawat serta menyembuhkan pesakit HIV/Aids adalah hasil penyelidikan selama tiga tahun.

"Saya tidak takut disiasat kerana ubat MAS yang diberikan adalah dalam klinik hospital ini dan bukannya dijual di luar," katanya ketika dihubungi di sini, hari ini.

Beliau mempersoalkan apakah salah bagi dirinya jika berjaya menemui ubat yang boleh menyembuh penyakit yang sukar disembuhkan oleh rawatan lain.

Katanya, ini sepatutnya menjadi kebanggaan kepada Malaysia yang berjaya mencipta ubat penyembuh HIV/Aids selaras dengan saranan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang mahu rakyat mencipta nama pada peringkat antarabangsa bagi membuktikan 'Malaysia Boleh'.

Semalam, Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng, berkata kerajaan akan menjalankan siasatan segera mengenai pusat perubatan di Melaka yang menimbulkan tanda tanya kerana mengenakan bayaran antara RM3,000 hingga RM13,000 seorang bagi mengubati pesakit HIV/Aids, walaupun penawar itu tidak mendapat kelulusan.